



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
National Pharmaceutical Control Bureau  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Rujukan Kami : ( 80 )dlm.BPFK/17/K/2.4  
Tarikh :  
**04 APR 2011**

**SEMUA PEMEGANG NOTIFIKASI KOSMETIK**

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN DOKTOR GIGI DI DALAM IKLAN-IKLAN PRODUK PERGIGIAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Pergigian Malaysia, Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia, melarang pihak syarikat menggunakan pengamal perubatan pergigian (doktor gigi) untuk mempromosikan produk pergigian (termasuklah ubat gigi) di dalam iklan mereka sama ada di media elektronik ataupun di media cetak. Larangan ini termasuk menggunakan pengamal pergigian warganegara asing.
3. Penggunaan gelaran 'Dr' dan individu yang memakai 'white coat' yang menyerupai pengamal pergigian di dalam iklan produk pergigian juga adalah dilarang. Iklan yang sedemikian boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang awam kerana ia seolah-olah telah diperakui oleh seorang doktor gigi dan seterusnya memberi tanggapan kepada orang awam bahawa beliau merupakan orang yang berkelayakan di bawah Akta Pergigian 1971.
4. Merujuk kepada keperluan *Cosmetic Advertising Code*, testimoni yang dibuat oleh golongan profesional di dalam iklan media cetak atau elektronik mestilah mematuhi etika profesion masing-masing dan tidak bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa atau institusi yang mengawalselia profesion yang berkenaan.
5. Sehubungan itu, pihak syarikat adalah diarahkan untuk mematuhi keperluan ini dan mengeluarkan semua iklan yang menggunakan doktor gigi atau individu yang memakai 'white coat' daripada semua iklan produk pergigian dengan **kadar segera**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(SELVARAJA SEERANGAM)**

Pengarah Regulatori Farmasi  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k
1. Majlis Pergigian Malaysia,  
Bahagian Kesihatan Pergigian,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 5, Blok E 10, Parcel E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA.
  2. Pengarah Penguat Kuasa Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  3. Timbalan Pengarah  
Pusat Pendaftaran Produk  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
  4. Timbalan Pengarah  
Pusat Pasca Pendaftaran Produk  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
  5. Timbalan Pengarah  
Pusat Pembangunan Organisasi  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan

za/ssar